

17/10/2001

Prosedur keselamatan wang tabungan dikaji

Abdul Halim Yusoff; Wan Hazmir Bakar

KERAJAAN sedang meneliti pelbagai prosedur keselamatan dalam sistem pengurusan wang tabungan orang ramai bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan memastikan pelaburan yang dibuat oleh institusi pengurusan dana awam dilakukan atas nasihat mereka yang berpengetahuan dalam bidang pelaburan.

"Kebelakangan ini, ada dana milik orang ramai tidak diuruskan dengan baik dan jika ini berlaku kerap, saya fikir orang ramai tidak akan percaya untuk menyimpan dan melabur wang dalam agensi berkenaan.

"Oleh itu, mereka yang dipertanggungjawabkan menguruskan dana berkenaan mestilah melakukannya dengan baik dengan memastikan tiada penyelewengan," katanya selepas melancarkan Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3), dana amanah kelapan yang dikendalikan Permodalan Nasional Bhd (PNB), di Sri Kembangan, semalam.

Tanpa menyatakan dana yang dimaksudkan, Dr Mahathir berkata, kerajaan memandang serius perkara itu kerana ia akan menjejaskan imej dan keyakinan rakyat serta pelabur asing terhadap institusi pelaburan dan perbankan negara.

"Oleh itu, langkah keselamatan dan prosedur urus niaga harian yang jelas dan teratur perlu diperkemas dan dikaji semula dari semasa ke semasa.

"Di samping itu, keyakinan pelabur dapat dikekal dan dipertingkatkan," katanya.

Mengenai pelaburan dalam ASN3, Dr Mahathir berkata, ia adalah satu kaedah pelaburan baik yang akan membantu memulihkan pasaran saham.

"Berbanding dengan simpanan biasa, kita melabur dalam pasaran saham. Bila ada pelaburan, pasaran akan meningkat," katanya sambil menambah kebanyakan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kini berada di bawah nilai sebenar.

Oleh itu, katanya, inilah masa yang sesuai untuk pelabur membuat pelaburan jangka panjang dan mengelak melabur untuk mendapat keuntungan yang sedikit dalam jangka pendek.

Sementara itu, diminta mengulas laporan akhbar asing bahawa kerajaan mengarahkan siasatan ke tas usahawan Singapura Akhbar Khan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengenainya.

Namun demikian, Dr Mahathir berkata, adalah amalan biasa kerajaan mengarahkan siasatan dibuat kepada semua syarikat apabila kerajaan menunjukkan minat mengenai sesuatu perkara, termasuk Central Limit Order Book (Clob).

(END)